

**KAMUS DAN ETNISITI SAINS DAN MASYARAKAT.** Oleh Prof. Emeritus Dr. James T. Collins. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 2021. Halaman 78. eISBN: 978-967-251-319-3

Buku ini merupakan salah sebuah karya nukilan ilmuwan terkenal, Prof. Emeritus Dr. James T. Collins. Buku ini dibentang dan dipersembahkan dalam bentuk Syarahan Profesor Antarabangsa Tersohor Universiti Kebangsaan Malaysia oleh penulis sendiri pada 22 Julai 2021 secara atas talian. Buku ini diterbitkan pada tahun 2021 oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Secara umumnya, karya ini memberikan tumpuan perbincangannya dalam bentuk ulasan, komentar dan penelitian mendalam tentang aspek etnisiti, sains dan masyarakat bersempena penerbitan Kamus Dewan Perdana terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2020.

James T. Collins dilahirkan di Chicago pada tahun 1946. Beliau merupakan sarjana terkemuka dalam bidang linguistik komparatif, leksikografi dan sosiolinguistik khususnya melibatkan bahasa-bahasa Melayo Polinesia. Beliau juga banyak melakukan penyelidikan dan penelitian terhadap dialek-dialek di nusantara seperti Maluku, Kalimantan, Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Khidmat kepakaran beliau banyak ditagih institusi terkemuka termasuk menjadi Felo Penyelidik Utama di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengalaman Collins menggunakan Kamus Dewan (cetakan pertama) ketika mula menjejakkan kaki di bumi Malaysia pada tahun 1968 merupakan satu pengalaman yang sangat signifikan dengan karya ini. Peluang mewawancara penyusun Kamus Dewan (1970), Teuku Iskandar di Leiden, Belanda pada 1996, turut menjadi elemen penting dalam perbincangan beliau menerusi karya ini. Karya ini adalah dedikasi beliau sempena lima puluh tahun cetakan pertama Kamus Dewan (1970) yang menyaksikan banyak perubahan dan penambahbaikan dari aspek penerapan kajian emperikal mahupun amalan penyusunan kamus Melayu ekabahasa baharu iaitu Kamus Dewan Perdana.

Dalam pengenalan karya Collins ini, beliau telah merungkai usaha pengumpulan kosa kata Melayu yang dikatakan bermula pada tahun 1521. Usaha ini digerakkan oleh Antonio Pigafetta, bangsawan Itali yang bertugas dalam armada Magellan dalam pelayaran yang mengelilingi dunia buat julung kalinya. Kosa kata Melayu di Brunei dan Tidore dicatat dalam satu Daftar Kata Melayu yang dianggap sebagai kamus Bahasa Melayu tertua. Usaha menyusun kamus Melayu sudah berusia ratusan tahun dan sememangnya bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa dunia yang wajar dirakam, dikaji dan dimanfaatkan oleh warga global.

Ketika Pigafetta mengumpul daftar kata Melayu ini, kedua-dua Kesultanan Brunei dan Kesultanan Tidore adalah ibu kota multietnik. Pada masa itu, di Brunei sebahagian penduduknya bukan orang Melayu tetapi penduduk suku lain yang berasal dari Pulau Borneo juga, serta orang Manila, yang pada masa itu berpindah dari jajahan Brunei di Luzon ke pusat pemerintahan Brunei di Borneo. Begitu juga, di Tidore serta pulau di sekelilingnya, penduduknya bukan orang Melayu tetapi orang yang bersusur galur dari orang Papua dan bertutur dengan bahasa yang berlainan dari bahasa Melayu dan bukan dari rumpun bahasa Austronesia.

Kemunculan daftar kata Melayu di Brunei dan Tidore yang jaraknya lebih 2000 kilometer daripada Selat Melaka menjadi isyarat jelas betapa pentingnya bahasa Melayu pada ketika itu merentas sempadan geografi. Keberagaman etnik yang membentuk komuniti berbahasa

Melayu dan berinteraksi dengan Pigafetta pada tahun 1521 menjadi faktor kejayaan beliau mengarang dan menerbitkan kamus Melayu yang pertama lima ratus tahun dahulu. Ia juga memberi isyarat wujudnya hubungkait antara kamus dan etnisiti di Nusantara.

Hubungkait antara kamus dan etnisiti dalam penyusunan kamus ekabahasa boleh dilihat dari dua perspektif. Pertama, penyusunan kamus perlu dilihat bagaimana kita dapat menyusun kamus nasional monolingual yang mampu mencerminkan kepelbagaian komuniti penutur bahasa Melayu seterusnya mewakili diversiti warga Nusantara dan pengguna yang bukan etnik Melayu. Kedua, penyusunan juga perlu mempertimbangkan perbezaan antara strategi dalam upaya menyusun kamus bahasa nasional dengan prosedur menyusun kamus bahasa minoriti etnik di Nusantara.

Collins membicarakan karya beliau ini menerusi dua kerangka utama iaitu kamus bahasa nasional dan kamus bahasa minoriti. Kedua-dua aspek ini digarap dengan terperinci menerusi perbincangan yang sangat komprehensif.

### 1. Kamus Bahasa Nasional

Penyusunan kamus Bahasa nasional memiliki tradisi kesusasteraan yang terikat pada aspek linguistik formal dan teoritik. Ini menjadikan kamus ini agak kurang diminati. Namun, perkembangan teori semantik dan kemajuan bidang linguistik antropologi dan sosiolinguistik pada tahap global sudah mulai berubah.

Penyusunan kamus ekabahasa yang mewakili leksikon suatu bahasa nasional bukan semata-mata upaya linguistik. Penghasilan kamus bahasa nasional sangat rumit dan rencam kerana melibatkan pelbagai pertimbangan termasuk aspek leksikografi, linguistik, sosiopolitik dan kewangan. Perkara lain yang perlu diberi pertimbangan dalam penyusunan kamus adalah saiz kamus yang disasarkan, penjadualan projek, anggaran belanjawannya, pemilihan staf dan pelatihan mereka serta komputerisasi pangkalan data. Dua isu yang perlu diberikan perhatian adalah pengguna kamus dan sumber data kamus.

Dalam kamus ekabahasa, bahasa yang digunakan sebagai medium deskripsi adalah bahasa yang sama. Pengguna kamus ekabahasa kebiasaannya disasarkan kepada tiga golongan yang mempunyai kepentingan yang berbeza iaitu penutur asli bahasa, pelajar bahasa sebagai bahasa kedua (di negara bahasa itu dituturkan secara meluas, baik sebagai bahasa asli mahupun sebagai *lingua franca*) dan orang yang belajar bahasa itu sebagai bahasa asing.

Di Malaysia, kamus ekabahasa - Kamus Dewan memiliki kedudukan yang istimewa. Kamus Dewan Edisi Keempat sebagai contoh, menjadi bahan rujukan utama yang terkini dan berwibawa untuk semua lapisan masyarakat pengguna bahasa Melayu sama ada dalam kalangan penutur jati mahupun sebaliknya.

Dalam proses penyusunan kamus, ia perlu memanfaatkan pelbagai sumber data. Dengan perkembangan teknologi digital, pelbagai bentuk sumber data mengambil peranan. Sumber data lahir dalam bentuk korpus dan maklumat dari laman sesawang. Dalam penyusunan Kamus Dewan Perdana, para editor didapati was-was terhadap penggunaan data dari laman sesawang, dan dalam masa yang sama projek ini telah memanfaatkan 150 teks Melayu dalam *Malay Concordance Project* (MCP). Walau bagaimanapun, penulis 150 teks tersebut tidak dapat dipastikan sama ada penuturnya jati atau tidak.

Google menjadi sumber utama dalam projek perkamusan *Online Multimedia Learner's Dictionary of Malay*, tetapi data yang didapati selalu ditapis dan dinilai oleh penutur bahasa Melayu kerana memang data daripada sumber apapun harus melalui prosedur yang ditetapkan, termasuk penilaian penutur asli bahasa Melayu. Sebenarnya, usaha para penyusun Kamus Dewan Perdana untuk mencari dan menggunakan data yang semata-mata ditulis atau dilafazkan oleh “penutur asli bahasa Melayu” sedikit menghairankan. Lazimnya, dalam tradisi perkamusan ekabahasa, pertimbangan tentang keaslian penutur tidak timbul. Walaupun lombong data ini tidak ternilai kegunaannya tetapi dari segi yang lain, data dalam laman sesawang menimbulkan beberapa isu, antaranya sama ada penyumbang data merupakan penutur asli bahasa Melayu atau tidak, kesahihan sumber data, kerancuan bahasa serta pertindanan dan pengulangan data.

Tidak dapat dinafikan, maklumat berkaitan etnisiti wujud dalam setiap kamus. Semua kamus mempunyai peranan menjelaskan definisi yang mengandungi maklumat yang cukup untuk menyampaikan pengertian tentang istilah termasuk yang berkaitan dengan etnisiti. Justeru, tahap penentuan definisi dan fungsi label berkaitan etnisiti menjadi perhatian dalam perbincangan ini.

Collins mengambil contoh perbincangannya bagi perkataan keling. Kata keling dalam kamus sebelum ini dikemaskini takrifnya pada tahun 2003. Ungkapan seperti keling karam, keling mabuk todi dan seumpamanya ditiadakan dalam Edisi Keempat kerana membawa konotasi negatif. Oleh yang demikian, dua definisi diterbitkan dengan dua label berlainan, yang pertama diberikan label “sl” (sastera lama) dan merujuk kepada empayar dan warga di India selatan pada abad ketiga dan yang kedua label “Kd, Pn” merujuk orang India yang beragama Islam. Maklumat-maklumat ini diberikan tanpa komen.

Perbincangan seumpama ini juga dapat ditemui dalam penerangan tentang kata-kata yang bersifat kekeluargaan. Penutur Melayu dan bukan Melayu di Malaysia juga cenderung menggunakan kata kekeluargaan daripada bahasa Tamil seperti tangkaci, aci, mami, tambu dan sebagainya. Ia mungkin salah satu usaha merapatkan diri dengan lawan bicaranya.

Selain istilah kekeluargaan, ada juga perkataan lain berkaitan etnisiti yang menimbulkan kekeliruan dan ketidakselesaian sebahagian pihak. Sebagai contoh, nama golongan etnik dalam kamus umum ekabahasa wajar juga diperhatikan. Dalam Kamus Dewan edisi keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka 2005: 1368), terdapat entri dengan tiga definisi: sakai 1. nama yg dipakai utk orang asli (pd umumnya); 2. nama utk suatu kaum drpd orang asli, Senoi ...; 3. orang suruhan, hamba, pengikut ... Dalam entri lain yang berkaitan dengan kaum etnik, terdapat dua entri untuk kata yang sama, yakni Jakun (huruf besar) dan jakun (huruf biasa). Kedua-dua entri ini seolah-olah tidak saling berkaitan dan entri huruf biasa (jakun) dilabel bb (“bahasa basahan”) sahaja, bukan bk (“bahasa kasar”) atau tabu. Ketidakselarasan ini kadang kala menimbulkan kekeliruan.

Pada zaman media sosial, banyak kamus slanga dapat dirujuk untuk melihat penggunaan kata, seperti yang diusahakan di atas. Dalam hal kata yang mungkin dianggap menghina, mungkin perlu dibentuk *focus group*, sama seperti halnya kumpulan pakar yang diajak memberikan pandangan tentang istilah geologi dan psikologi.

## 2. Kamus Bahasa Minoriti

Kerangka perbincangan kedua yang diberikan tumpuan oleh Collins dalam karya beliau adalah berkaitan kamus bahasa minoriti. Penulisan tentang penyusunan kamus ekabahasa dan kamus bahasa nasional sudah banyak ditulis, namun penyusunan kamus bahasa minoriti khususnya kamus dwibahasa masih ketinggalan. Sumber utama dan cabaran yang terlibat dalam penyusunan sesebuah kamus bahasa minoriti tidak selalu disentuh dalam kebanyakan kajian leksikografi. Faktor jumlah pengguna kamus bahasa minoriti dan skop entri dalam kebanyakan kamus bahasa minoriti mungkin menjadikannya kurang mendapat tempat yang wajar dalam aspek penyusunan.

Banyak perbezaan yang dapat dikenalpasti antara usaha penyusunan kamus bahasa baku atau bahasa “kesusasteraan” dengan projek yang bertujuan menghasilkan kamus bahasa minoriti. Perbezaan utama antara projek kamus bahasa besar dan kamus bahasa yang terancam merupakan hakikat bahawa kamus bahasa terancam tidak diusahakan untuk mencari keuntungan dan sering berhadapan dengan sumber yang terhad daripada segi masa, wang dan staf, juga bahawa ahli linguistik yang bertanggungjawab dalam projek itu bukan penutur asli bahasa itu.

Lazimnya sebahagian atau semua sumber manusiawi dan akademik, perlu diambil kira dalam penyusunan kamus termasuk penyusunan kamus bahasa minoriti etnik. Oleh yang demikian, tugas mengarang sebuah kamus bahasa minoriti semestinya direncanakan dan diusahakan dengan saksama. Dalam tulisan ini, penulis turut menyentuh beberapa tugas yang seharusnya difikirkan dan dijalankan demi kejayaan sesuatu projek kamus bahasa minoriti.

Perkara pertama yang perlu diberikan tumpuan dalam penyusunan kamus etnik minoriti adalah penentuan pengguna sasaran sebuah kamus. Dalam projek penyusunan kamus bahasa minoriti, pertanyaan pertama yang harus dijawab adalah: untuk siapa kamus ini disusun? Keperluan pengguna sasaran harus diutamakan dalam penyusunan kamus. Penentuan sasaran merupakan prasyarat penyusunan kamus kerana tidak mungkin menyusun sebuah kamus yang dapat digunakan oleh semua pembaca.

Di Nusantara, penyusun kamus bahasa minoriti harus memikirkan pilihan yang patut dan berkesan. Kedudukan bahasa Inggeris di Asia Tenggara tidak seperti kedudukan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat peribumi di Amerika Syarikat. Namun, jika berhasrat memperkenalkan bahasa daerah yang kita selidiki kepada masyarakat linguistik global, bahasa Inggeris sudah tentu menjadi sandaran dalam penyusunan kamus dwibahasa. Namun, jika kita berhasrat menyumbang kepada komuniti warisan untuk melestarikan bahasa mereka, maka bahasa Melayu atau bahasa Indonesia menjadi pilihan utama untuk definisi dan maklumat lain dalam entri.

Selain penentuan pengguna kamus minoriti, faktor geografi juga perlu diberikan perhatian wajar. Lokasi penghunian kelompok yang bertuturkan bahasa yang dikaji sangat perlu dikenalpasti dan ditentukan. Lawatan tapak atau kunjungan ke kampung dan kawasan yang menuturkan bahasa yang dikaji menjadi satu keperluan. Kewujudan teknologi *Global Positioning System* (GPS), menjadi kelebihan dalam kajian khususnya bagi mengenalpasti tepat letak kawasan yang dikaji dalam konteks geografi yang lebih luas. Maklumat ini bermanfaat dalam memperoleh gambaran tentang ketersebaran sesuatu bahasa minoriti seterusnya membuat pemetaan bahasa tersebut.

Selain dari itu, tinjauan di lapangan yang dijalankan mampu mengenal pasti sumber manusiawi dalam komuniti. Siapa yang mungkin dapat bercerita? Siapa yang dapat dilatih sebagai pembantu penyelidikan di lapangan? Siapa yang menguasai kosa kata bidang tertentu? Sambil “mengenal pasti” calon pemaklum dan calon kakitangan projek perkamusan, juga dapat berkenalan dengan orangnya dan membina jaringan kesalingpercayaan kerana penyusunan kamus adalah usaha manusiawi yang memerlukan interaksi masyarakat.

Sumber-sumber yang diperolehi dari lapangan ini, boleh lahir dalam bentuk bertulis dan terakam. Bahan yang diperolehi secara tulisan mahupun lisan mampu dimanfaatkan untuk projek perkamusan yang dijalankan. Kadang-kadang terdapat artikel ilmiah tentang bahasa minoriti tersebut atau variannya. Kadangkala ia muncul juga dalam bentuk terbitan agama dalam bahasa minoriti, misalnya lagu rohani gereja, terjemahan injil dan sebagainya. Ada juga ditemukan manuskrip yang belum diterbitkan dalam perpustakaan, arkib, atau pejabat persatuan kaum minoriti. Data bahasa etnik ada juga dirakam dalam bentuk audial oleh ahli antropologi atau ahli etnomusikologi termasuk juruteknik radio yang menyiarkan program dalam bahasa etnik. Segala sumber ini perlu dicari supaya manfaatnya bagi projek perkamusan dapat dioptimalkan.

Banyak bahasa etnik Nusantara yang sebelum ini tidak pernah ditulis, apa lagi dicetak, sekarang muncul dengan banyak dalam media sosial. Bahan bahasa minoriti perlu dicari menerusi media yang canggih ini untuk memperoleh data leksikal dalam usaha penyusunan kamus bahasa minoriti etnik. Ia datang dalam bentuk perakaman teks lisan.

“Bahan rakaman” merujuk rakaman audio dan video. Banyak alat rakam yang boleh digunakan untuk kedua-dua tujuan ini. Kualiti audio dan juga video perlu menjadi perhatian serius kerana ia merupakan sumber utama. Transkripsi juga merupakan elemen penting dalam kajian. Hasil rakaman harus ditranskripsi, ditulis dan ditentukan makna serta fungsi datanya. Setiap perkataan, malahan setiap morfem dalam transkripsi harus dipadankan dengan makna ringkas. Pasukan yang mengumpulkan data juga adalah pasukan yang mentranskripsikan data itu dan menyusun transliterasinya. Biasanya, dalam projek dokumentasi bahasa, termasuk dokumentasi bahasa untuk kamus bahasa etnik, usaha transkripsi memanfaatkan ELAN, sejenis perisian sumber terbuka yang percuma. ELAN yang separuh automatik mempercepat proses transkripsi dan transliterasi yang dapat dimanfaatkan dalam penyusunan.

Data yang dirakam ini termasuk sastera lisan tradisional, seperti cerita hantu, dongeng tentang binatang, hikayat sejarah dan sebagainya. Akan tetapi, bukan sastera lisan sahaja yang hendak dirakam. Projek perkamusan memerlukan juga naratif yang menjelaskan teknologi tempatan yang tradisional, misalnya pengolahan sagu, cara memasak kari ikan atau proses pemasangan jerat. Perkembangan teknologi terkini, seperti cara memperbaiki motosikal, penggunaan pengisar untuk masakan atau teknik menyusun batu bata dinding rumah dan lain-lain juga dimanfaatkan. Pengalaman peribadi, masalah kesihatan, adat potong jambul, resipi kuih hari raya dan semua naratif seumpamanya layak dirakam untuk memperoleh data kamus bahasa etnik. Makin besar data kosa kata makin bijak dan lengkap pemilihan leksem untuk entri kamus.

Proses seterusnya adalah analisis fonologi dan penentuan sistem ejaan bagi kamus yang dibangunkan. Rakaman yang dikumpulkan mesti ditranskripsikan dan perlu keseragaman. Sarjana yang terlibat dalam projek itu perlu mengkaji sistem bunyi bahasa tersebut agar setiap bunyi ditranskripsikan dengan lambang yang sesuai, berdasarkan sistem pelambangan

antarabangsa seperti *International Phonetic Alphabet* (IPA), yang melambangkan bunyi bahasa mengikut sistem yang berpiawai.

Satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian dalam penyusunan kamus adalah penyediaan glosari. Glosari dapat dimanfaatkan sebagai asas untuk membina kamus. Glosari hadir dalam bentuk kosa kata yang ringkas, beserta definisi pendek, sebesar sepatah kata atau dua. Glosari hanya merupakan asas untuk sesebuah kamus yang lengkap, walaupun bukan semua glosari yang dikembangkan menjadi kamus.

Proses penyusunan kamus merupakan satu proses yang panjang dan kompleks. Banyak perkara tentang format dan struktur perlu ditetapkan, bukan sahaja glosari. Sesebuah kamus memuatkan maklumat tentang makna kata, sebutan kata (fonologi), struktur kata (morfologi) dan peranan kata dalam ayat (sintaksis). Penjelasan tentang kepercayaan dan adat juga wajar dimasukkan dalam kamus umum ekabahasa khususnya kamus bahasa etnik yang dwibahasa. Secara umumnya, metodologi yang digunakan oleh penulis dalam karya ini sangat jelas. Perbincangan yang bertumpu kepada proses dan aturan penulisan kamus dihurai menerusi kerangka pembangunan kamus bahasa nasional dan pembangunan kamus bahasa minoriti. Setiap satunya mempunyai tatacara dan pedoman yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Isu yang sangat perlu diberikan perhatian juga adalah sumber data. Perbincangan secara rinci difokuskan tentang bagaimana data dari Google dan internet secara umumnya boleh dijadikan sumber dalam projek perkamusan khususnya dalam penulisan Kamus Dewan Perdana (2020). Walaupun ia agak kontroversi, namun perhatian wajar perlu juga diberikan.

Kekuatan yang ditonjolkan oleh penulis dalam karya adalah tertumpu kepada pengalaman sendiri. Penulis mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang linguistik dan merupakan pengguna setia Kamus Dewan cetakan pertama (1970). Peluang mewawancara Teuku Iskandar selaku salah seorang penyusun Kamus Dewan di Leiden Belanda pada 1996 merupakan pengalaman yang sangat berharga. Pengalaman ini juga dimanfaatkan dalam analisis terhadap Kamus Dewan Perdana (2020) dalam karya ini.

Karya ini merupakan bahan bacaan akademik yang sesuai untuk penyelidik, guru, penuntut dan pengguna Kamus Dewan khususnya Kamus Dewan Perdana. Kandungannya bersifat akademik dan mampu dimanfaatkan dalam usaha memahami proses perkamusan yang dilalui dalam penulisan Kamus Dewan Perdana. Bahasa sentiasa berkembang, jadi revisi sentiasa diperlukan kerana bahasa, sikap masyarakat, keterampilan pekamus serta teknologi perkamusan berubah. Hanya dengan perhatian pada butiran yang sangat terperinci serta pemanfaatan teknologi dan metodologi yang terkini, perubahan dapat diuruskan dengan baik. Justeru, karya ini dicadangkan untuk bacaan pengguna Kamus Dewan Perdana sebagai satu usaha memahami proses penyusunan dan pembukuannya.

**Abdul Razif Zaini**

Pensyarah Kanan,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)